LAM telah menggunakan MPSAS yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang berkaitan dengan operasi dan berkuatkuasa pertama kali bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2020 seperti berikut:

- MPSAS 1	Pembentangan Penyata Kewangan
- MPSAS 2	Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3	Dasar Perakaunan, Perubahan, dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 17	Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 19	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 20	Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 24	Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25	Manfaat Pekerja
- MPSAS 29	Financial Instruments : Recognition And Measurement
- MPSAS 30	Financial Instruments Disclosure
- MPSAS 33	First-time Adoption of Accrual Basis MPSAS

Peralihan dari MPERS kepada MPSAS tidak memberi kesan yang signifikan ke atas penyata kewangan LAM bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

(b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul.

Susut nilai dikira untuk menghapuskan nilai hartanah, loji dan peralatan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan. Kadar susut nilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

	Kadar susut nilai
Peralatan pejabat	15%
Perabot dan kelengkapan	10%

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)

(c) Rosot Nilai Aset

Nilai bawaan aset kecuali aset kewangan dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda penurunan nilai. Sekiranya ada petunjuk sedemikian, amaun yang boleh diperoleh semula aset dianggarkan.

Amaun boleh pulih daripada aset atau unit penjanaan tunai adalah lebih besar daripada nilainya yang digunakan dan nilai saksumnya ditolak kos untuk dijual. Dalam menaksir nilai digunakan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai sekarang dengan menggunakan kadar diskain sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa mengenai nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Bagi tujuan pengujian kemerosotan nilai, aset dikumpulkan bersama ke dalam kumpulan aset yang lebih kecil yang menghasilkan aliran masuk tunai aset atau kumpulan aset lain (unit penjanaan tunai).

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sekiranya jumlah aset atau unit penjanaan tunai melebihi amaun yang boleh diperolehi semula. Kerugian kemerosotan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan. Kerugian kemerosotan nilai iktirof berhubung unit penjanaan tunai diperuntukkan terlebih dahulu untuk mengurangkan jumlah bawaan aset lain dalam unit (kumpulan unit) secara pro rata.

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu dinilai pada setiap tarikh pelaporan untuk sebarang petunjuk bahawa kerugian tersebut telah menurun atau tidak lagi wujud. Kerugian penurunan nilai dibalikkan sekiranya terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh diperolehi dan ini hanya dibalikkan setakat amaun dibawa aset tidak melebihi amaun dibawa yang akan ditentukan, selepas susut nilai atau pelunasan, jika tiada kerugian rosot nilai telah diiktiraf. Pembalikan kerugian kemerosotan dikreditkan ke Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun di mana pembalikan diiktiraf.

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)****2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)****(d) Instrumen Kewangan*****(i) Pengiktirafan awal***

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu entiti dan instrumen kewangan liabiliti atau ekuiti bagi entiti yang lain. Instrumen kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Lembaga telah menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan permulaan, semua instrumen kewangan diiktiraf pada harga transaksi, termasuk kos urus niaga jika instrumen kewangan tersebut tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Bagi instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urus niaga dicajikan kepada untung atau rugi apabila ia berlaku. Bagi instrumen kewangan yang membentuk transaksi pembiayaan, instrumen kewangan itu diukur pada nilai terkini seperti pembayaran masa akan datang yang didiskunkun pada kadar pasaran bagi faedah untuk instrumen hutang yang sama.

(ii) Pengukuran berikutnya**Keuntungan dan kerugian**

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif:

- i. Pulangan kepada pemegang adalah tetap atau boleh ditentukan;
- ii. Tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan jumlah pokok atau apa-apa faedah kepada tempoh semasa atau terdahulu; dan
- iii. Pilihan bayaran pendahuluan, jika ada, tidak bergantung pada peristiwa masa depan.

Pelaburan dalam saham biasa yang tiada syarat, dan pelaburan dalam saham tidak boleh tukar dan saham keutamaan yang tiada syarat boleh diukur pada kos tolak rosot nilai, melainkan jika saham yang diniagakan secara awam atau nilai saksama boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan yang tidak dinilai pada kos yang dilunaskan atau kos tolak rosot nilai akan dinilai pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)****2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan).****(d) Instrumen Kewangan (Sambungan)****(ii) Pengukuran berikutnya (Sambungan)****Kemerosotan aset kewangan**

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, semua aset kewangan lain adalah tertakluk kepada semakan rosot nilai.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Lembaga akan memeriksa sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah menunjukkan satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan negatif ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila ia berlaku.

Kerugian rosot nilai bagi instrumen yang diukur pada kos yang dilunaskan dinilai daripada perbezaan di antara amanah aset yang dibawa dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset. Jumlah aset yang dibawa dilurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Kerugian kemerosotan berkaitan dengan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dinyatakan pada kos tolak rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara amanah aset kewangan yang dibawa dan anggaran terbaik daripada jumlah yang akan diterima oleh entiti bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Jika dalam tempoh berikutnya jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian rosot nilai dibalikkan sehingga ke tahap di mana amanah aset yang dibawa tidak melebihi amanah dibawa jika penjejasan nilai tidak diiktiraf pada tarikh penjejasan nilai diterbalikkkan. Amanah pembalikan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)

2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)

(d) Instrumen Kewangan (Sambungan)

(iii) Penyahiktirafan instrumen kewangan

Aset kewangan dinyahiktirafkan apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Lembaga telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

Liabiliti kewangan dinyahiktirafkan apabila ia dipadamkan, iaitu apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Satu pengubahan sumir yang besar dalam tempoh liabiliti kewangan yang sedia ada dianggap sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baru. Sebarang perbezaan di antara nilai liabiliti kewangan yang dibawa dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan cukup dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang ditanggung, diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(e) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai terdiri daripada tunai di tangan dan baki di bank. Sementara kesetaraan tunai terdiri daripada dana jangka pendek dan simpanan mudah cair yang boleh dimukar kepada wang tunai tanpa perubahan nilai yang ketara.

(f) Pengiktirafan Pendapatan

(i) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, innya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkennan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaan bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaan hasil yang sama dengan pengurangan itu.

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)

2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)

(f) Pengiktirafan Pendapatan (Sambungan)

(i) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Sambungan)

- (a) Geran kerjaan yang tidak dikenakan dengan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan.
- (b) Peruntukan yang diterima bagi program/projek yang merangkumi tempoh kurang daripada setahun diiktiraf sebagai hasil dalam tahun berkemaraan. Bagi penerimaan untuk mengendalikan program/projek yang melebihi satu tahun, terimaan akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Projek berkemaraan dan lebihan penerimaan atas perbelanjaan akan diiktiraf sebagai pendapatan bagi tahun penutupan program/projek apabila habis tempoh atau hayat program/projek tersebut. Sebaliknya jika terdapat lebihan perbelanjaan atas penerimaan ianya akan diiktiraf sebagai perbelanjaan.
- (c) Pendapatan belum diiktiraf adalah lebihan pendapatan/peruntukan yang diterima dari perbelanjaan yang dibuat pada tahun semasa di bawah ke hadapan bagi menanggung perbelanjaan bagi tahun berikutnya (program/projek yang meliputi tempoh masa melebihi satu tempoh perakaunan).

(ii) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran yang diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

- (a) Yuran pendaftaran dikreditkan ke penyata pendapatan dan perbelanjaan pada tahun di mana ahli-ahli baru diluluskan.
- (b) Yuran pembaharuan diiktiraf pada tahun kewangan di mana ahli-ahli sedia ada memperbaharui pendaftaran mereka.
- (c) Yuran peperiksaan diiktiraf pada tahun kewangan di mana ahli-ahli sedia ada mengambil bahagian dalam peperiksaan.
- (d) Yuran pentauliahuan diiktiraf di mana institusi tempatan, swasta dan institut luar negara mendapat kelulusan daripada Ahli Lembaga.
- (e) Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru, menggunakan kaedah faedah berkesan.

(iii) Lain-Lain Hasil

Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)****2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)****(g) Cukai**

Cukai di dalam penyata kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu bayar berkenaan dengan keuntungan bercukui bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Peruntukan bagi cukai tertunda dibuat menggunakan kaedah liabiliti untuk semua perbezaan sementara di antara asas cukai aset-aset dan liabiliti-liabiliti dan amaun pembawanya di dalam penyata kewangan.

Liabiliti cukai tertunda adalah diambil kira ke atas semua perbezaan sementara yang dikenakan cukai. Aset cukai tertunda diambil kira ke atas semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan, setakat mana boleh digunakan ke atas perbezaan sementara yang boleh ditolak, iaitu terdiri daripada kerugian cukai dan kredit cukai yang belum digunakan.

(h) Manfaat pekerja**(i) Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, insentif dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun tertentu, di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar, diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan keberhakkan mereka kepada ketidakhadiran diberi pampasan masa hadapan, dan ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek bukan terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan caruman wajib

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikut di Malaysia membuat caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan di dalam tempoh masa yang berkaitan dengannya.

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)****2. Dasar-Dasar Perakaunan (Sambungan)****(h) Manfaat pekerja*****(iii) Manfaat Jangka Panjang Kakitangan*****Kakitangan Tetap**

Bagi kakitangan tetap LAM yang membuat caruman KWSP akan mendapat ganjaran gantian cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunakan oleh LAM.

Ganjaran gantian cuti rehat adalah dikira berdasarkan formula berikut:

$\frac{1}{30} \times \text{Bilangan hari cuti rehat yang dikumpulkan hingga maksimum sebanyak } 150 \text{ hari} \times \text{gaji akhir yang diterima} + \text{imbuhan tetap akhir yang diterima}$

(tertakluk kepada had maksimum 150 hari).

Kakitangan Kontrak Gaji

Pihak LAM juga memberikan ganjaran kepada kakitangan kontrak. Ganjaran akan dibayar setelah kakitangan menyempurnakan perkhidmatan kontrak dengan memuaskan. Ganjaran yang akan dikira berdasarkan formula berikut:

$\text{Gaji (tidak termasuk esaun)} \times \text{bulan perkhidmatan}/12$

Had maksimum ganjaran gantian cuti rehat bagi kakitangan kontrak adalah 6 hari.

Selain itu, pihak LAM akan menggunakan pekeliling-pekeliling berkaitan dengan manfaat atau ganjaran kepada kakitangan yang diluluskan oleh pihak pengurusan tertinggi LAM termasuk pekeliling-pekeliling perkhidmatan awam yang berkaitan dari semasa ke semasa.

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

3. Pelbagai Penghutang

	2020 RM	2019 RM
Faedah terakru pada simpanan tetap	184,562	229,906
Deposit	1,100	1,100
	185,662	231,006

4. Simpanan Tetap di Institusi Kewangan Berlesen

Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen adalah bagi tempoh simpanan di antara 6 hingga 12 bulan dan dengan kadar faedah 1.70% - 3.10% (2019: 2.95% - 3.90%).

5. Pembinaan dalam Kemajuan

	2020 RM	2019 RM
Baki awal pada 1 Januari	483,890	175,960
Tambahan dalam tahun	303,268	307,930
	787,158	483,890

6. Hartanah, Loji dan Peralatan

	Peralatan Pejabat RM	Perkakas dan Perabot RM	Jumlah RM
Kos			
Pada 1.1.2020	187,502	352,798	540,300
Tambahan	15,244	12,601	27,845
Pelupusan	(6,460)	-	(6,460)
Pada 31.12.2020	196,286	365,399	561,685
Susut nilai terkumpul			
Pada 1.1.2020	110,043	313,852	423,895
Susut nilai bagi tahun kewangan	20,639	5,768	26,407
Pelarasan pelupusan	(5,329)	-	(5,329)
Pada 31.12.2020	125,353	319,620	444,973
Nilai bawaan			
Pada 31.12.2020	70,933	45,779	116,712
Pada 31.12.2019	77,459	38,946	116,405
Susut nilai bagi tahun kewangan berakhir 31.12.2019	19,519	15,266	34,785

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

7. Pelbagai Pembiayaan

	2020 RM	2019 RM
Deposit timbangtara	656,000	741,657
Akruan	957,450	727,522
	1,613,450	1,469,179

8. Manfaat Kakitangan

	2020 RM	2019 RM
Gantian cuti rehat	23,825	-

9. Yuran Keahlian

	2020 RM	2019 RM
Yuran pendaftaran	174,750	286,475
Yuran pembaharuan	1,920,625	1,947,900
Yuran kemasukan semula	191,025	121,625
Yuran untuk kawasan operasi yang diluluskan	390	30
Yuran pemprosesan pendaftaran	52,350	87,746
Pendaftaran arkitek APEC	200	600
Pendaftaran arkitek ASEAN	600	1,500
Pendaftaran pensyarah asing	300	100
	2,340,240	2,445,976

10. Pendapatan Dari Program/Seminar/Acara/Bengkel

	2020 RM	2019 RM
Yuran seminar	-	23,820
Pendapatan dari program/seminar/bengkel/acara	12,640	37,450
	12,640	61,270

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

11. Pendapatan Lain

	2020 RM	2019 RM
Penerbitan	114,571	145,566
Peruncitan	13,482	21,444
Pengajur CPD	18,244	63,521
Yuran akreditasi/validasi (MAPSM)	110,500	351,743
Denda	105,000	75,000
Panel peperiksaan	443,400	517,300
Diskaun diterima	-	8,973
	805,197	1,183,547

12. Kos Kakitangan

	2020 RM	2019 RM
Gaji	901,536	800,675
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	111,978	107,667
PERKESO	12,610	11,431
Insentif	61,345	40,703
Insurans	19,915	21,705
Yuran perubatan	10,288	11,820
Latihan kakitangan	16,249	-
	1,133,921	994,001

Bilangan kakitangan Lembaga Arkitek Malaysia tidak termasuk Ahli Lembaga pada akhir tahun kewangan adalah seramai 17 orang (2019: 18 orang).

13. Emolumen dan Elaun Ahli Lembaga dan Lain-lain

	2020 RM	2019 RM
Elaun mesyuarat Ahli Lembaga	123,764	181,790
Honorarium presiden	14,400	14,400
Honorarium pendaftar	9,600	9,600
	147,764	205,790

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

14. Perbelanjaan Operasi Lain

	2020 RM	2019 RM
Pengiklanan	102	2,338
Yuran profesional	21,635	29,579
Caj bank	8,325	18,120
Yuran guaman	45,050	27,878
Akhbar dan terbitan	495	470
Pos	4,844	12,847
Per cetakan dan alat tulis	67,793	131,103
Pembuatan dan pembaharuan	332	967
Sumbangan (<i>Golf Tournament</i>)	-	5,000
Perbelanjaan rumit	74,360	45,162
Servis dan kos buruh	1,055	-
Perbelanjaan perjalanan (Ahli Lembaga)	964	35,644
Perbelanjaan perjalanan (kakitangan)	5,870	11,031
Caj telefon dan internet	12,174	14,060
Yuran carian	31	61
Yuran langgaran	829	-
Pengkalan data LAM	54,047	138,585
Pingat presiden LAM	-	100,082
Anugerah Pendidikan Senibina LAM	-	1,500
Penyelenggaraan - peralutan pejabat	4,338	3,600
Penyelenggaraan - perabot	787	-
Perbelanjaan akreditasi/validasi (MAPSM)	84,287	307,587
Penyimpanan	13,912	13,035
Perbelanjaan Majlis Arkitek APEC	14,816	-
Perbelanjaan mesyuarat ASEAN CCS	-	36,633
Perbelanjaan program/seminar/bengkel/acara	10,816	65,783
Perbelanjaan peperiksaan	252,316	352,523
	679,178	1,353,588

15. Cukai

	2020 RM	2019 RM
Cukai bagi tahun kewangan:		
- Peruntukan cukai bagi tahun kewangan	85,585	99,211
- Pengurangan/(lebihan) peruntukan cukai tahun lalu	22,988	(7,335)
	108,573	91,876

Cukai pendapatan Lembaga adalah dikira pada kadar berkanun 24% (2019: 24%) pada anggaran pendapatan cukai boleh ditaksir untuk tahun kewangan.

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA
Diperbadankan di bawah Akta Arkitek 1967 (Pindaan 2015)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020 (SAMBUNGAN)**

15. Cukai (Sambungan)

Penyesuaian bagi perbelanjaan cukai pendapatan yang berkenaan keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pada kadar cukai pendapatan efektif adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Hibah	4,300	-
Faedah untuk deposit tetap	352,302	413,378
	<u>356,602</u>	<u>413,378</u>
 Cukai pada kadar berkanun 24% (2019: 24%)	85,585	99,211
Kurangan/(lebihan) peruntukan cukai tahun lalu	22,988	(7,335)
	<u>108,573</u>	<u>91,876</u>

16. Instrumen Kewangan


	2020 RM	2019 RM
<u>Aset kewangan</u>		
Penghutang	3,159	3,959
Pelbagai penghutang - deposit	1,100	1,100
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	12,108,188	12,026,155
Tunai di tangan dan di bank	3,293,857	3,233,569
	<u>15,406,304</u>	<u>15,264,783</u>
 <u>Liabiliti kewangan</u>		
Pembiutang	337,656	1,545,460
Pelbagai pembiutang - deposit timbangtara	656,000	741,657
	<u>993,656</u>	<u>2,287,117</u>

17. Maklumat Bajet

Maklumat bajet Lembaga Arkitek Malaysia adalah disediakan untuk tujuan dalaman sahaja dan tidak dibentangkan secara umum.

18. Pembentangan Penyata Kewangan

Penyata kewangan Lembaga Arkitek Malaysia berakhir 31 Disember 2020 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga melalui resolusi bertarikh 30 Mei 2021.



LEMBAGA
ARKITEK
MALAYSIA

PERISTIWA & AKTIVITI *EVENTS & ACTIVITIES*

HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA

PERTANDINGAN STEM 2019



Pertandingan STEM 2019 (Science, Technology, Engineering & Math) adalah merupakan salah satu aktiviti yang telah dijalankan sempena sambutan Hari Profesional Teknikal Negara 2019 yang telah berlangsung pada 3-4 Disember 2019, bertempat di TM Convention Centre, Bangsar.

Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) telah terlibat secara langsung dengan aktiviti pertandingan STEM yang melibatkan pelajar Universiti. Pertandingan yang diadakan adalah bertemakan Magical Arts. Para pelajar perlu mencipta sesuatu model yang sama sekali berbeza dari fungsi asal barang-barang terbuang dan barang-barang kitar semula dalam kawasan kampus Universiti. Sebanyak 8 Universiti terdiri daripada 24 orang pelajar bersama 9 tenaga pengajar menyertai aktiviti ini yang berlangsung pada 4 Disember 2019.

Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menjadi juara diikuti dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tempat kedua, dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditempat ketiga. Manakala hadiah saguhati kepada:

- Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Universiti Malaya (UM)
- City University
- Universiti Teknologi Malaysia (KL)
- Infrastruktur Universiti Kuala Lumpur (IUKL)

MESYUARAT PENINGKATAN KAPASITI BEROPERASI UNTUK MEMBANGUN SEMULA EKONOMI



Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang bersidang pada (27 April 2020) telah membincangkan kedudukan terkini ekonomi dan kewangan negara, kelangsungan perniagaan dan kesejahteraan rakyat. Mesyuarat telah meneliti kajian dan cadangan yang dibentangkan oleh Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Khazanah Nasional. Kementerian Kesihatan Malaysia

(KKM) yang diwakili oleh Menteri Kesihatan dan Ketua Pengarah Kesihatan turut membentangkan pandangan dan maklum balas di atas perkara yang dibincangkan. Perbincangan tertumpu kepada keperluan untuk memulakan semula (restarting and reviving) rantaian bekalan ekonomi secara menyeluruh yang dapat membantu perniagaan untuk meneruskan operasi sepenuhnya, membina semula stok yang terjejas serta membolehkan penyampaian perkhidmatan dan barang yang efisyen kepada pelanggan.

Menyedari keperluan mendesak untuk menangani krisis ekonomi semasa, Kerajaan bersetuju supaya sektor-sektor ekonomi yang telah dibenarkan beroperasi pada PKP Tahap 1, 2 dan 3 meningkatkan kapasiti beroperasi sepenuhnya dan dibenarkan beroperasi tanpa sekatan masa mengikut keperluan industri masing-masing.

Pihak syarikat di dalam sektor yang dibenarkan ini WAJIB mematuhi syarat-syarat Prosidur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan bagi sektor masing-masing. Kegagalan syarikat mematuhi SOP akan menyebabkan kebenaran beroperasi dibatalkan serta merta dan dikenakan tindakan undang-undang.

Kebenaran ini berkuatkuasa mulai (29 April 2020). Pihak syarikat yang telah diluluskan untuk beroperasi tidak lagi perlu memohon kepada MITI untuk mendapatkan kebenaran.

Inisiatif ini memberi anjakan kepada pemulihan sistem rantaian bekalan barang dan perkhidmatan untuk memenuhi permintaan domestik dan luar negara. Ini tentunya akan memberi impak positif kepada pendapatan syarikat khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana.

Sementara Kerajaan memberi kelonggaran ini, rakyat dan pemilik perusahaan perlu memulakan "kebiasaan baharu" dengan mematuhi penjarakan sosial di tempat kerja, kebersihan diri dan garis panduan kawalan kesihatan.




Ar. Tan Sri Dato' Seri Hj. Esa Hj. Mohamed dan Ar. Lillian Tay Wai Fun Menghadiri Mesyuarat

MESYUARAT LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA KALI KE-193

PERTAMA KALI DIJALANKAN MELALUI ATAS TALIAN MENGGUNAKAN APLIKASI GOTOMEETING SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DILAKSANAKAN.

3 April 2020



Pertama kali dijalankan melalui atas talian menggunakan aplikasi GoToMeeting semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Ahli Lembaga turu mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ar. Chai Chin Siong, Stanley dari JKR Sarawak di atas pelantikan sebagai Ahli Lembaga LAM sesi 2019-2021.

Antara agenda yang dibentangkan adalah:

- Isu-isu yang berbangkit yang memerlukan kelulusan Lembaga
- Perkara-perkara untuk makluman
- Peranan dan tindakan LAM terhadap kebajikan Ahli menghadapi situasi COVID-19:

Majlis Peperiksaan Malaysia memaklumkan bahawa Peperiksaan LAM Bahagian III mencadangkan supaya Peperiksaan diadakan sekali sahaja pada tahun ini iaitu pada bulan September 2020. dan calon-calon dari peperiksaan bulan Mac 2020 turut akan dipanggil bagi menyertai peperiksaan LAM Bahagian III kali ini.

Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina (MAPS) Malaysia turut memaklumkan bahawa telah mengeluarkan nota khas sebagai panduan kepada Institusi Pengajaran Tinggi mengenai kaedah pengajian dan pembelajaran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Nota-nota tersebut adalah seperti berikut :

- i. Pengekalan Kualiti Program Pengajaran Senibina dan Rekabentuk Dalaman”
- ii. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran serta Penilaian bagi Program Senibina dan Rekabentuk Dalaman di Institusi Pengajaran Tinggi”;
- iii. Permohonan Akreditasi bagi Program Pengajaran Senibina dan Rekabentuk Dalaman

Kehadiran :

Ar. Zairul Azidin Badri (Presiden)
Ar.Tan Sri Dato' Seri Hj. Esa Hj. Mohamed
Ar. Mustapha Hj. Mohd Salleh
Ar. Datuk Ezumi Harzani Ismail
Ar. Abu Zarim Abu Bakar
Ar. Datuk Tan Pei Ing
Ar. Ibrahim Isa

Ar. Dr. Tan Loke Mun
Ar. Sim Sie Hong
Ar. Jasmeet Pal Singh Sidhu
Ar. Chan Seong Aun
Ar. Lilian Tay Wai Fun
Ar. Azman Md. Hashim
Ar. Chai Chin Siong, Stanley

Ar. Yap Seng Chye, Chris
Ar. Meor Mohammad Fared Meor Razali
Ir. Gopal Narian Kutty
En. Nokman Mustaffa
Ar. Abd. Shukor Ismail (Registrar)
Aminah Abd. Rahman (Setiausaha Eksekutif)

SEMINAR CPD DAN MENSUARAT AGUNG TAHUNAN PELUKIS–PELUKIS PELAN BANGUNAN BERDAFTAR MALAYSIA KALI KE-51



Seminar CPD dan Mesyuarat Agung tahunan kali yang ke-51 Pelukis–Pelukis Pelan Bangunan Berdaftar Malaysia telah diadakan dengan jayanya bertempat di Dewan Irama, The Everly Hotel Putrajaya pada 7hb dan 8hb Mac 2020. Ahli-ahli dari seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak telah hadir bagi menyertai seminar dan Mesyuarat Agung ini.

Pada mulanya, ada ahli-ahli yang menyuarakan pandangan supaya majlis ini ditunda atau dibatalkan atas sebab-sebab wabak Covid-19 (sebelum perintah PKP oleh kerajaan diumumkan). Perbincangan dari pihak Exco, majoriti bersetuju meneruskannya dengan mengambil langkah-langkah keselamatan dari pihak Hotel dan diri sendiri. Semua ahli diwajibkan membawa penutup muka (mask) dan sanitizer.

Jumlah yang hadir iaitu seramai 85 orang termasuk ahli-ahli bersekutu (Associate Member). Dari catatan pendaftaran kehadiran sebelum majlis berlangsung ramai yang ingin turut serta, tetapi membatalkan kehadiran di saat akhir kerana bimbang akan wabak covid-19.

Jemputan Penceramah yang hadir:

1. Tuan Shaikh Abd Rahim Hassan – CIDB
2. Prof. Dr. Aminah Binti Md. Yusof - Pensyarah Fakulti Kejuruteraan, UTM
3. Ar. Sharina Intan Binti Abdullah - Bekas Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan
4. Mr. Tony Lai - Harvesting Tank (Product Talk)

Sukacita di maklumkan, keseluruhan program yang dianjurkan telah berjalan dengan baik dan lancar. Semua pengisian program-program tersebut dapat memberi pengetahuan kepada ahli-ahli. Ramai yang berpuas hati dan mereka berharap program seperti ini dapat dianjurkan lagi pada masa yang akan datang.





Majlis Penghargaan mantan Ahli Lembaga LAM.



Sambutan Hari Profesional Teknikal Negara.



Sambutan persaraan Ar. Zairul Azidin bin Badri dari Jabatan Kerjaya Malaysia.



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA
TINGKAT 17, BLOK F, IBU PEJABAT JKR
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50582 KUALA LUMPUR

T: 603 2698 2878
F: 603 2693 6881
E: INFO@LAM.GOV.MY
W: WWW.LAM.GOV.MY